

Kempen 2025 'Gear Up & Win Big' Terma dan Syarat

1. Kempen '2025 Gear Up & Win Big' ini ("**Kempen**") ini dianjurkan oleh **Zurich Life Insurance Malaysia Berhad ("ZLIMB")** dan **Zurich Takaful Malaysia Berhad ("ZTMB")**. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan menandakan penerimaan dan persetujuan mutlak serta tanpa syarat kepada semua Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.

Bahagian A: Tempoh Kempen

1. Kempen ini berlangsung adalah dari 30 Ogos 2025 hingga 30 Disember 2025, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").

Bahagian B: Kelayakan dan Kriteria Penyertaan

1. Kempen ini terbuka kepada pemohon atau peserta ("**Pelanggan**") yang telah mendaftar mana-mana produk yang layak yang disenaraikan di bawah dengan Jumlah Premium Tahunan ("**APE**") atau Jumlah Caruman Tahunan ("**ACE**") sekurang-kurangnya RM1,800 sepanjang Tempoh Kempen. Tarikh pengeluaran polisi atau sijil mestilah tidak lewat daripada 30 Disember 2025.

Insurans – Ditaja jamin oleh ZLIMB	Takaful – Ditaja jamin oleh ZTMB
• Zurich ValueLife • Zurich ValueLife Premier • Zurich ValueLife Junior • Zurich ValueLife Pluz • Zurich MaxInvest • Zurich Favour8 • Zurich Favour8 Guaranteed Acceptance • Zurich Prestige Cover + Savings Booster • Zurich Multi Shield • Zurich EduMax	• Takaful Term80 • Takaful Family Hero • Executive20 • Takaful Mumtaz • Takaful ProInvest • Takaful ProEssential • Takaful ProSecure • Takaful ProAspire

2. Polisi atau sijil mesti masih berkuat kuasa pada masa hadiah diberikan.
3. Pelanggan mesti memberikan maklumat hubungan yang tepat (alamat e-mel dan nombor telefon bimbit) semasa pendaftaran atau melalui portal pelanggan MyZurichLife.
4. Hanya 10% daripada premium atau caruman yang dikutip di bawah tambah nilai berkala (MSVR) akan diambil kira untuk pengiraan minimum APE atau ACE, jika berkenaan.
5. Untuk mengelakkan keraguan, pekerja tetap ZLIMB, ZTMB, Zurich General Insurance Malaysia Berhad (ZGIMB) dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad (ZGTMB) layak untuk menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah kecuali Hadiah Utama dan Hadiah Pertama.
6. Setiap RM1,800 APE atau ACE bagi setiap polisi atau sijil melayakkan Pelanggan mendapat satu (1) penyertaan cabutan bertuah. Satu (1) penyertaan tambahan akan diberikan untuk pendaftaran dengan mod bayaran atau caruman tahunan. Selain itu, pendaftaran dengan pelaburan ke dalam Zurich Global Green Fund juga akan menerima

satu (1) penyertaan tambahan.

Pengiraan penyertaan cabutan bertuah adalah seperti berikut:

Contoh 1	APE atau ACE = RM3,600 Pengiraan Penyertaan Cabutan Bertuah = $RM3,600 \div RM1,800 = 2$ Mod Bayaran atau Caruman = Mod Bulanan = Tidak dikenakan Jumlah Penyertaan Cabutan Bertuah Yang Layak = 2
Contoh 2	APE atau ACE = RM5,000 Pengiraan Penyertaan Cabutan Bertuah = $RM5,000 \div RM1,800 = 2.7$ Mod Bayaran atau Caruman = Mod Tahunan = 1 penyertaan tambahan Jumlah Penyertaan Cabutan Bertuah Yang Layak = $2 + 1 = 3$

Untuk tujuan pengiraan penyertaan cabutan bertuah, sebarang keputusan yang tidak melebihi 3 (cth., 2.1, 2.7) akan dibundarkan ke bawah dan dianggap sebagai 2 penyertaan.

Bahagian C: Pulangan Tunai RM50 untuk Produk Tertentu secara Dua-Bulan Sekali

1. Pelanggan yang mendaftar mana-mana produk yang layak dengan minimum APE atau ACE sebanyak RM1,800, berdasarkan produk fokus secara dua bulan sekali, akan menerima pulangan tunai RM50 bagi setiap polisi atau sijil.

Tempoh Pendaftaran	Tarikh Pengeluaran Polisi / Sijil	Produk Yang Layak
30 Ogos 2025 – 31 Oktober 2025	7 November 2025	(ZLIMB) Zurich ValueLife Premier (ZTMB) Takaful ProSecure

2. Pelanggan mesti memberikan maklumat hubungan dan akaun bank yang tepat melalui MyZurichLife, kerana pulangan tunai akan dikreditkan ke akaun bank mereka melalui 'e-bayaran' selewat-lewatnya pada 28 Februari 2026. Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi akibat butiran maklumat yang tidak tepat, ZLIMB dan/atau ZTMB berhak untuk membatalkan penyertaan tersebut daripada Kempen.
3. Polisi atau sijil mesti masih berkuat kuasa pada masa pulangan tunai diberikan.

Bahagian D: Hadiah Cabutan Bertuah dan Pengumuman Pemenang

1. Hadiah Cabutan Bertuah ("Hadiah")

	Hadiah	Unit
Hadiah Utama	Proton e.MAS Prime bernilai RM106,000	1
Hadiah Pertama	Perodua Bezza 1.3 AV bernilai RM50,000	1
Hadiah Ke-2	Honda Wave 125i bernilai RM7,000	1
Hadiah Ke-3	Apple iPhone 16 bernilai RM4,000	2
Hadiah Ke-4	Samsung Tab S10 FE (256GB dengan Wi-Fi) bernilai RM2,200	3
Hadiah Ke-5	Apple Watch SE bernilai RM1,000	5
	Kredit e-wallet Touch 'n Go bernilai RM500	10

Hadiah Saguhati	Kredit e-wallet Touch 'n Go bernilai RM300	20
	Kredit e-wallet Touch 'n Go bernilai RM200	30

- Pemenang hadiah Kempen akan dipilih melalui cabutan bertuah semasa *Sales Conclave* 2026 pada 8 Januari 2026. Pemilihan pemenang adalah muktamad.
- Pemenang yang terpilih akan dimaklumkan melalui e-mel dan/atau SMS selewat-lewatnya pada 31 Januari 2026 berdasarkan butiran perhubungan yang diberikan di portal pelanggan *MyZurichLife*. Selain itu, senarai pemenang akan disiarkan di Laman Web Kempen Zurich dan dikongsi di saluran media sosial rasmi Zurich.
- ZLIMB dan/atau ZTMB berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini mengikut budi bicara mutlak mereka.
- Pelbagai polisi atau sijil dibenarkan untuk Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) Hadiah akan diberi bagi setiap Pelanggan, tanpa mengira bilangan polisi atau sijil yang didaftarkan.
- Pemenang terpilih tidak layak menerima ganjaran pelanggan atau Hadiah daripada kempen ZLIMB atau ZTMB lain yang sedang berjalan serentak dengan Kempen ini, jika ada.
- Hadiah akan diberikan mengikut kaedah yang dinyatakan di bawah:

Hadiah Utama, Hadiah Pertama, Hadiah Ke-2	Pemenang akan mendapatkan Hadiah di Bilik Pameran Proton atau Perodua selewat-lewatnya pada 31 Mac 2026 dengan kehadiran wakil dari ZLIMB atau ZTMB
Hadiah Ke-3, Hadiah Ke-4, Hadiah Ke-5	Perancang Kewangan Zurich akan menghantar kepada pemenang selewat-lewatnya pada 28 Februari 2026
Hadiah Saguhati	E-mel kepada pemenang selewat-lewatnya pada 28 Februari 2026

- Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan, serta tidak boleh dipindah milik kepada orang lain. Permintaan untuk menukar Hadiah, mana-mana bahagian, penampilan atau aksesori tidak akan dilayan.
- ZLIMB dan ZTMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan pada Hadiah semasa proses penghantaran atau pengambilan.
- ZLIMB dan ZTMB bukanlah pengedar Hadiah dan tidak memberikan sebarang jaminan atau representasi tentang kualiti atau kebolehdagangan Hadiah yang disediakan. ZLIMB dan ZTMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecacatan, kerugian atau kerosakan lain yang mungkin dialami berkaitan dengan Hadiah tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, ZLIMB dan ZTMB tidak akan bertanggungjawab kepada pemenang setelah Hadiah dihantar dengan sewajarnya.
- Gambar yang digunakan hanyalah untuk tujuan ilustrasi. ZLIMB dan ZTMB berhak untuk menukar dan/atau menggantikan Hadiah dengan Hadiah lain yang sama nilainya mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa sebarang notis awal.

12. Untuk pemenang Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Ke-2:

- a. Untuk menuntut Hadiah, pemenang dikehendaki mendaftarkan kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum menebus kenderaan tersebut dengan kos dan perbelanjaan sendiri.
- b. Pemenang perlu menanggung yuran pendaftaran kereta, cukai jalan, perlindungan takaful/insurans dan sebarang kos pelbagai lain yang berkaitan dengan Hadiah tersebut. ZLIMB dan ZTMB tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos tersebut.
- c. Liabiliti ZLIMB dan ZTMB berkaitan Hadiah hanya terhad kepada pembayaran harga pembelian kepada pengedar. ZLIMB dan/atau ZTMB berhak untuk memilih warna Hadiah, jika berkenaan. Visual Hadiah yang digunakan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti atau bahan lain berkaitan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah serta tidak termasuk aksesori tambahan.
- d. Pemenang hadiah hendaklah menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kecederaan diri dan/atau kematian) akibat penggunaan Hadiah semasa penghantaran. ZLIMB dan/atau ZTMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian) dalam apa jua cara sekalipun yang dialami oleh pemenang Hadiah akibat penggunaan Hadiah selepas penghantaran.

Bahagian E: Terma dan Syarat

1. Keputusan ZLIMB dan ZTMB mengenai mana-mana dan/atau semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan konklusif, dan sebarang surat-menyerut tidak akan dilayan.
2. ZLIMB dan ZTMB berhak untuk meminda terma dan syarat ini, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Kempen ini tanpa sebarang notis awal. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh ZLIMB dan ZTMB tidak akan melayakkan pelanggan membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ZLIMB dan ZTMB untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
3. Terma dan syarat Kempen ini hendaklah ditafsir, dikawal dan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia.
4. Bahasa utama Terma dan Syarat ini adalah Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan atau konflik dalam mentafsir mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.
5. ZLIMB atau ZTMB, sekutu, anak syarikat, pekerja, wakil, pengedar dan ejen mereka tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang dialami atau ditanggung oleh pelanggan akibat penyertaan mereka dalam Kempen ini atau berkaitan dengan mana-mana Ganjaran yang ditawarkan atau dibatalkan.